



ROSMAN ISHAK

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan Pensyarah Fakulti Teater ASWARA yang kini menyandang portfolio sebagai Ketua Program Pengajian Asasi Seni Kreatif ASWARA. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Pendidikan (Perkembangan Kurikulum) dan Ijazah Pertama Seni Persembahan (Drama) dari Universiti Malaya (UM).

Beliau mempunyai pengalaman di dalam seni persembahan semasa beliau menjadi Artis Budaya di Panggung Negara atau kini dikenali sebagai Istana Budaya. Kemudian, beliau meneruskan pengajian secara formal di peringkat Sijil Seni Kreatif di Universiti Sains Malaysia (USM) dan seterusnya melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma Teater di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang kini dikenali sebagai ASWARA.

Penglibatan dan pengalaman beliau yang meluas di dalam bidang seni kreatif terutama bidang seni teater dapat direalisasikan secara profesional menerusi kerjayanya sebagai Pensyarah, Fasilitator Bengkel, Pengurus Produksi, Pereka Kostum, Jurulatih Vokal dan juga Pelakon.

PENCAPAIAN

Antara produksi-produksi teater besar di Istana Budaya yang menggunakan perkhidmatan kreatif beliau adalah Keris Sang Puteri arahan Datuk Rahim Razali, Cindai arahan Rohani Yousoff, Lantai T Pinkie arahan Rosminah Tahir, Tun Perak arahan Dr. Hatta Azad Khan, Alang Rentak Seribu arahan Ahmad Yatim, dan Deja-Vu arahan Siti Rohayah Attan.

Beliau turut terlibat di dalam produksi teater *Actor's Studio* bersama-sama Dato' Faridah Merican, Joe Hafsham, Dato' Zahim Al Bakri, Ida Nerina, dan mendiang Krishen Jit di dalam pementasan teater *The Scorpion Orchid*, *Hamlet*, dan *Visits*.

Beliau memberikan komitmen yang tinggi dalam penghasilan kerja sam ada secara individu mahupun berkumpulan kerana beliau memegang prinsip di mana dalam menghasilkan kerja yang berkualiti, aspek-aspek pengurusan dan komunikasi menjadi keutamaan.